

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

PROGRAM PENDIDIKAN KEWANGAN BELIA: MEMBENTUK CELIK KEWANGAN GENERASI MUDA

Penulis: Noor Emma Shamsuddin, Noraini Sa'ait, Joycelyne Nyandang,
Norazimah Mejri, dan Shaffaridzuan Yakub

Pada 10 Mei 2025 (Sabtu), satu program bertemakan Pendidikan Kewangan Belia telah berjaya dilaksanakan bertempat di Dewan Sri Balau, UiTM Kampus Mukah. Program ini berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang dan disasarkan khusus kepada pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan yang mengikuti kursus FIN242 (*Fundamentals of Finance*) dan FIN358 (*Investment Management*).

Matlamat utama program ini adalah untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar mengenai kepentingan pengurusan kewangan peribadi dan strategi pelaburan bijak, selaras dengan usaha membentuk generasi belia yang celik kewangan serta berupaya membuat keputusan kewangan yang bijak dan berhemah. Pada sesi pagi, para pelajar telah terlibat secara aktif dalam simulasi permainan *Cash Flow Game*, iaitu satu kaedah pembelajaran berasaskan permainan yang menyeronokkan tetapi penuh dengan elemen pembelajaran. Melalui permainan ini, pelajar diuji dalam membuat keputusan kewangan berdasarkan senario dunia sebenar, termasuk pengurusan pendapatan, perbelanjaan, aset, dan liabiliti. Aktiviti ini menuntut pelajar untuk berfikir secara kritikal, menganalisis risiko, dan merancang strategi kewangan jangka panjang secara realistik.



Sesi Perkongsian Strategi dalam Pelaburan

Sesi petang pula diteruskan dengan satu perkongsian oleh Encik Richard Stephenson, seorang *Trainer, Educator & Business Owner* yang berpengalaman luas dalam bidang pelaburan dan pembangunan keusahawanan. Beliau telah berkongsi pelbagai strategi pelaburan yang relevan kepada belia, termasuk prinsip pelaburan beretika dan pengurusan risiko pelaburan.

Impak positif daripada program ini amat ketara. Para pelajar bukan sahaja memperoleh ilmu praktikal berkaitan pengurusan kewangan dan pelaburan, malah mereka turut dapat mengaplikasikan konsep yang dipelajari dalam suasana yang interaktif dan menyeronokkan. Program Pendidikan Kewangan Belia ini merupakan satu inisiatif yang sangat bertepatan dan relevan dalam konteks pendidikan moden. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dengan penglibatan yang lebih meluas dalam kalangan pelajar, demi melahirkan generasi celik kewangan yang mampu menghadapi cabaran masa hadapan.



Poster hebahan program